

KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK MENGUNAKAN “MODUL KUPPON” DALAM MENGURANGKAN PONTENG SEKOLAH

PENDAHULUAN

Masalah ponteng sekolah masih menduduki tangga pertama dalam senarai kesalahan disiplin pelajar sekolah menengah dan rendah di Malaysia. Isu ponteng berada pada tahap kritikal dan dianggap sebagai langkah pertama remaja memasuki dunia penuh masalah. Ponteng sekolah merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika pelajar dibiarkan ponteng sekolah sehingga menjadi amalan dan tabiat, ianya boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar sendiri, keluarganya dan juga sekolah.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1995 : Menangani Masalah Ponteng Sekolah adalah bertujuan mengingatkan semua Pegawai Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua, Guru Besar dan guru-guru mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi membanteras salahlaku ponteng di sekolah terutamanya ponteng sekolah dan ponteng kelas. Kementerian Pendidikan telah pun menerbit dan mengedarkan ke sekolah-sekolah Buku Panduan

Mengatasi Masalah Ponteng Di Sekolah. Saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam buku tersebut diyakini boleh membantu pihak sekolah mencegah berlakunya masalah ponteng.

Langkah Kementerian Pelajaran melancarkan Kempen Basmi Ponteng Sekolah adalah tepat pada waktunya dan merupakan satu inisiatif terpuji. Justeru, para guru atau kaunselor perlu berusaha untuk membendung gejala ini daripada merebak atau menjadi lebih buruk dengan memperlengkapkan diri dengan ilmu kaunseling yang bersesuaian dengan senario sekarang. Sebagaimana yang kita sedia maklum pengetahuan di dalam bidang kaunseling oleh para kaunselor akan membolehkan mereka menolong individu berubah daripada keadaan sekarang kepada satu keadaan yang dikehendaki.

Sebagai kaunselor, pendekatan kaunseling kelompok didapati salah satu cara yang efektif untuk menangani masalah ponteng sekolah sebab punca utama masalah ini dapat dikupas dari akar umbinya mengikut satu tempoh masa. Kaunseling kelompok menurut Gibson dan Mitchell (1981) dipandang sebagai proses penyesuaian diri dan memfokuskan kepada menolong ahli untuk mengatasi kebimbangan yang dihadapi sehari-hari. Melalui kaunseling kelompok, ahli dapat meluahkan perasaan, kepercayaan,

tanggapan dan hasrat mereka.

Kaunseling kelompok boleh dilaksanakan secara berstruktur dan tidak berstruktur. Kaunseling kelompok berstruktur dilaksanakan mengikut susunan perkembangan dan halatuju yang telah ditetapkan. Penggunaan modul yang telah dirancang dapat membantu kaunselor melaksanakan perjalanan sesi kaunseling kelompok dengan berkesan.

Oleh yang demikian, kajian ini cuba menyelidik keberkesanan 'Modul Kuppon' yang akan diaplikasikan dalam kaunseling kelompok untuk mengatasi masalah ponteng pelajar.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengkaji keberkesanan 'Modul Kuppon' dalam mengurangkan masalah ponteng di dalam sesi kelompok
2. Mengenalpasti kelemahan pelaksanaan 'Modul Kuppon' mengikut pengalaman pengkaji

SOALAN KAJIAN

1. Sejauhmanakah 'Modul Kuppon' dapat mengurangkan masalah ponteng di sekolah?
2. Apakah kelemahan yang dapat dikenalpasti semasa melaksanakan 'Modul Kuppon' dalam sesi

kelompok?

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan kepada 8 orang pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di daerah Kota Setar dan hanya melibatkan pelajar yang mempunyai tahap ponteng sederhana iaitu 5 hingga 15 hari dalam satu bulan. Pelajar-pelajar yang dipilih telah dikenakan sekurang-kurangnya amaran kali pertama.

Pengkaji akan mengenalpasti kelemahan semasa melaksanakan sesi kelompok menggunakan 'Modul Kuppon' mengikut persepsi pengkaji.

SOROTAN KAJIAN

Oleh kerana masalah ponteng telah lama menjadi masalah kepada pihak sekolah, banyak kajian telah dilakukan sama ada di dalam mahupun di luar negara bagi mengkaji masalah ini .

Kajian yang dijalankan oleh Maureen Sarkuna Raj (2004) menunjukkan bahawa sesi kaunseling kelompok berjaya meningkatkan tahap kehadiran pelajar di kelas. Aktiviti yang dijalankan semasa sesi kaunseling kelompok dan penggunaan teori kaunseling 'Teori Pemusatan Klien Rogers' didapati amat sesuai menangani masalah ponteng

kelas ini sebab pelajar-pelajar yang bermasalah ini tidak terasa tersisih dan sebaliknya rasa dikasihi, dihargai dan disayangi. Keadaan sedemikian dapat membantu mencari punca utama yang membawa kepada masalah ponteng kelas dan seterusnya meningkatkan peratus kehadiran pelajar-pelajar bermasalah ini di bilik darjah.

Wong Kean Loong (2003), mendapati bilangan pelajar ponteng sekolah meningkat sejajar dengan peningkatan umur dan tingkatan pengajian. Kedua-dua jantina pelajar lelaki dan perempuan lebih suka ponteng sekolah berseorangan diri. Semasa ponteng sekolah, majoriti mereka tinggal di rumah menonton televisyen, tidur atau menghabiskan kerja-kerja sekolah .

Manakala kajian yang dijalankan oleh Ng Ai Cheng, (2003) sesi kaunseling kelompok yang dilaksanakan telah meningkatkan minat pelajar ke sekolah. Peningkatan ini hanya bertahan sehingga bulan kedua sahaja dan kehadiran merosot kembali pada bulan-bulan yang seterusnya.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana akan

dilaksanakan secara kaunseling kelompok. Kajian ini akan dijalankan pada bulan Jun dan Julai. Sebanyak 6 sesi kelompok akan dijalankan bersama sekumpulan pelajar. Tiga sesi akan dilaksanakan pada bulan Jun dan tiga sesi lagi akan dilaksanakan pada bulan Julai. Minggu keempat pada bulan Julai akan digunakan untuk mengumpul data-data pelajar.

Satu set modul yang mengandungi enam aktiviti yang telah ditentukan temanya akan diedarkan kepada pelajar. Setiap sesi akan membincang hanya satu tema yang khusus mengikut perkembangan tahap sesi kelompok.

Sesi kelompok ini akan dilaksanakan sekali dalam tempoh satu minggu. Setiap satu sesi akan mengambil masa antara satu hingga satu setengah jam. Masa pertemuan akan ditetapkan dengan persetujuan ahli-ahli kelompok.

Alat yang akan digunakan dalam kajian ini ialah "Modul Kuppon". Modul ini mengandungi 6 tema. Setiap tema akan disediakan dengan satu set aktiviti. Set aktiviti akan dibantu dengan tayangan VCD, lembaran, kad kehadiran dan kad kecemerlangan. VCD mengandungi cerita teladan akan di tayang kepada pelajar. Ahli kelompok akan berinteraksi berdasarkan lembaran aktiviti yang disediakan. Kad

kecemerlangan akan diberikan kepada ahli yang berjaya mengurangkan jumlah ponteng yang paling banyak. Kad kehadiran pelajar akan disediakan pada setiap pelajar.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang berikut akan digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang subjek dan masalah yang dikaji:

Analisa Data Dari Rekod Kehadiran Pelajar

Pengumpulan data akan dilakukan pada bulan Mac hingga April 2007. Dokumen Rekod Kehadiran Pelajar tahun 2007 akan digunakan. Bilangan hari pelajar tidak menghadiri sekolah telah dikumpul berdasarkan bulan Januari, Februari, Mac, April dan Mei 2007.

Surat-Surat Amaran Pelajar

Surat-surat amaran yang dihantar oleh guru-guru tingkatan yang berkenaan telah disemak dan tindakan susulan oleh ibu bapa telah diambil kira dalam pemilihan subjek untuk kajian ini.

Borang Soal Selidik

Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang pelajar.

Borang soal selidik ini mempunyai 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat diri pelajar dan bahagian B adalah khusus untuk mendapat maklumat mengenai masalah ketidakhadiran pelajar ke sekolah. Pelajar akan mengisi borang tersebut pada perjumpaan pertama.

tu set modul

Alat yang akan digunakan dalam kajian ini ialah "Modul Kupon". Modul ini mengandungi 6 tema. Setiap tema akan disediakan dengan satu set aktiviti. Set aktiviti akan dibantu dengan tayangan VCD, lembaran, kad kehadiran dan kad kecemerlangan.

CD cerita teladan

VCD mengandungi cerita teladan akan di tayang kepada pelajar. Lima contoh cerita teladan akan digunakan untuk memangkin interaksi ahli dalam kelompok.

Lembaran aktiviti

Ahli kelompok akan berinteraksi berdasarkan lembaran aktiviti yang disediakan.

Kad kecemerlangan.

Kad kecemerlangan akan diberikan kepada ahli yang

berjaya mengurangkan jumlah ponteng yang paling banyak. Kad kecemerlangan akan disampaikan oleh pihak pentadbir sekolah.

Log Catatan Pengkaji

Log catatan digunakan untuk mencatat pelaksanaan aktiviti kaunseling kelompok. Log ini akan mencatat perkembangan aktiviti, pemerhatian pengkaji dan refleksi pengkaji terhadap pentadbiran Modul Kelompok dalam sesi kaunseling.

PERSAMPELAN

Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar yang mempunyai tahap ponteng sederhana iaitu 5 hingga 15 hari dalam satu bulan. Sepuluh orang ahli kaunseling kelompok yang terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan. Pemilihan pelajar adalah dilakukan oleh guru kaunseling di sekolah.

PROSEDUR MENGUMPUL DATA

Data yang akan digunakan dalam kajian ini ialah borang biodata pelajar, jadual kehadiran sesi kaunseling kelompok, rekod kehadiran pelajar dan log catatan pengkaji. Data akan dikumpulkan setiap minggu berdasarkan rekod kehadiran sekolah. Sepanjang 6 sesi yang dilaksanakan,

data keseluruhan adalah berdasarkan rekod kehadiran sekolah.

Kelemahan pentadbiran sesi kelompok pula akan disediakan selepas setiap kali sesi dilaksanakan kepada pelajar. Permasalahan yang berlaku di dalam sesi kelompok akan digunakan sebagai bahan untuk mengenalpasti kelemahan yang akan dinyatakan oleh pengkaji.

INTERPRETASI DAN ANALISIS DATA

Berdasarkan rekod kehadiran sekolah. Data akan dipunggut mengikut mingguan dan dikumpulkan menjadi data bulanan. Jumlah kehadiran bulan pertama kajian akan dibandingkan dengan bulan sebelumnya. Keberkesanan kajian akan memberi fokus kepada peningkatan atau penurunan jumlah kehadiran pelajar.

Data kehadiran bulan kedua pula akan dikumpulkan dan dibandingkan dengan bulan sebelum untuk melihat perbezaannya. Interpretasi data untuk melihat keberkesanan kajian akan memberi fokus kepada peningkatan atau penurunan jumlah kehadiran pelajar.

Melalui catatan log aktiviti, pengkaji akan mencatat kembali pengalaman mengenai kelemahan yang wujud semasa

mentadbir sesi kelompok bersama modul yang digunakan.

ANALISIS TINJAUAN MASALAH

Penyelidik telah berjumpa dengan pihak pentadbir sekolah untuk membincangkan mengenai kajian yang akan dijalankan. Butiran mengenai kajian disampaikan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid untuk mendapat responden yang sesuai. Pihak sekolah telah menyenarai 8 nama pelajar dari tingkatan 4 yang memenuhi kriteria pelajar untuk dijadikan responden.

Pada minggu pertama kajian, penyelidik telah mengumpul data rekod kes pelajar yang ponteng sekolah sederhana iaitu 5 hingga 15 hari dalam satu bulan. Pelajar-pelajar yang dipilih telah dikenakan sekurang-kurangnya amaran kali pertama. Hasil dapatan maklumat pelajar persekolahan menunjukkan